

**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN***Sports, Co-curricular and Arts Division***KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA***Ministry of Education Malaysia*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-4/1/1 JLD.11 (79)

Tarikh : **12** September 2022

Pengurus

Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.

MiMAS – Malaysia International Mathematical Arithmetic For Schools

53B, Jalan Bayu Tinggi 7

Taman Bayu Tinggi

41200 Klang

**Selangor Darul Ehsan**

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN WMA (*WORLD MATHEMATICAL ARITHMETIC*) SHENMO CUP INVITATIONAL TAHUN 2022 ANJURAN BIG TREE ACADEMY MALAYSIA SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak penganjur bertarikh 26 Ogos 2022 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui program yang dianjurkan. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah merujuk kepada perkara berikut:

<b>Nama Program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Pelibatan 1</b>	<b>Pencapaian</b>
<b><i>World Mathematical Arithmetic</i></b> – Kategori 6F Super memory	8 Ogos 2022	Kebangsaan	Kebangsaan
<b><i>World Mathematical Arithmetic</i></b> – Kategori Mental Arithmetic	8 Ogos 2022	Antarabangsa	Antarabangsa

3. Untuk makluman, markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

...2/-

KPM.600-4/1/1 JLD.11 (79)

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid melalui program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Hafiz Ridhuan bin Md Daud di talian 03-88721762 atau e-mel hafiz.daud@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. LATIP BIN MUHAMMAD)**

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia